Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia meningkat 4.4% pada suku ketiga.**
- **Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menurun masing-masing kepada 0.5% dan 1.4%.**
- **Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM3.8 bilion pada suku ketiga.**

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.4%

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang mampan sebanyak 4.4% pada suku ketiga 2018 (S2 2018: 4.5%), disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri dalam keadaan penurunan eksport bersih. Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan peningkatan pada kadar yang lebih pantas sebanyak 8.5% (S2 2018: 7.5%), manakala perbelanjaan sektor awam kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.1% (S2 2018: -1.4%). Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang sebanyak 1.6% (S2 2018: 0.3%).

Pertumbuhan kekal mampan pada S3 2018

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus dipacu oleh sektor swasta

Permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih pantas pada suku ketiga (6.9%; S2 2018: 5.6%), didorong oleh aktiviti sektor swasta.

Penggunaan swasta meningkat dengan pesat kepada 9.0% (S2 2018: 8.0%). Pada bulan Julai dan Ogos 2018, perbelanjaan isi rumah telah dirangsang

Pertumbuhan disokong aktiviti sektor swasta

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah baik

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST)[1] pada kadar sifar, khususnya barangan tahan lama seperti kenderaan bermotor dan kelengkapan serta makanan dan minuman. Pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan turut memberi sokongan utama kepada perbelanjaan isi rumah.

Pertumbuhan pelaburan swasta meningkat lebih tinggi sedikit pada 6.9% (S2 2018: 6.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada suku itu, firma telah meningkatkan kapasiti mereka dengan menambah perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.

Penggunaan awam meningkat pada kadar yang lebih pantas (5.2%; S2 2018: 3.1%). Hal ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, yang lebih daripada mengimbangi pertumbuhan emolumen yang sederhana.

Pelaburan awam mencatatkan penurunan yang lebih kecil pada suku ketiga (-5.5%; S2 2018: -9.8%), disebabkan oleh perbelanjaan modal Kerajaan Am yang bertambah baik. Namun demikian, perbelanjaan modal oleh syarikat awam adalah lebih rendah kerana beberapa projek kini hampir siap.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 3.2% (S2 2018: 2.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang berterusan. Mengikut jenis aset, perbelanjaan modal ke atas jentera dan kelengkapan adalah lebih tinggi pada 5.9% (S2 2018: 3.6%). Pelaburan dalam aset jenis lain kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif kecil sebanyak 0.1% (S2 2018: -2.9%). Pelaburan dalam struktur meningkat pada kadar sederhana sebanyak 1.8% (S2 2018: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang terus lemah dalam harta kediaman.

[1] Pengurangan kadar GST daripada 6% kepada 0% mulai 1 Jun 2018. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) telah dilaksanakan mulai 1 September 2018.

Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor berkaitan komoditi diimbangi oleh pengembangan yang lebih pantas dalam sektor lain

Dari segi sektor, pertumbuhan telah terjejas terutamanya oleh kejutan yang berlarutan membabitkan bekalan komoditi. Namun begitu, impak ke atas pertumbuhan keseluruhan telah diimbangi oleh pengembangan dalam sektor ekonomi lain, terutamanya sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan yang mencakupi 82% daripada ekonomi.

Pertumbuhan dalam sektor perlombongan terus menguncup kerana pengeluaran gas asli terus terjejas ekoran gangguan bekalan tidak dirancang dan kerja-kerja pembaikan paip di kawasan perlombongan yang terletak di Malaysia Timur. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian kekal lemah berikutan pengeluaran minyak sawit mentah masih belum pulih daripada keadaannya yang terjejas teruk akibat masalah cuaca dan kekangan pengeluaran pada suku kedua.

Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terus meningkat pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit. Peningkatan ini disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi pada tempoh pelepasan cukai. Subsektor kewangan dan insurans juga memperoleh manfaat daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar seperti yang dapat diperhatikan dalam pengeluaran pinjaman pengguna serta pembayaran premium insurans yang lebih tinggi, terutamanya dalam segmen kenderaan bermotor. Pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan bertambah baik, disokong oleh jumlah penumpang penerbangan yang lebih tinggi. Subsektor maklumat dan komunikasi terus berkembang, dalam keadaan permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pada suku ketiga, sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang mampan, disebabkan oleh pertumbuhan dalam kelompok E&E dan kelompok berkaitan pengguna yang bertambah baik mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan dalam keluaran berkaitan sumber. Pengembangan dalam kelompok E&E dan kelompok berkaitan pengguna yang lebih pantas ini disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam kelompok elektronik berasaskan pengguna, perkakas rumah,

Sektor lain meningkat dengan lebih pantas manakala pertumbuhan sektor berkaitan komoditi adalah lebih perlahan

Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Rajah 8: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan inflasi adalah disebabkan terutamanya oleh kesan daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi terus menurun pada S3 2018

Rajah 10: Rebakan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

kereta penumpang serta alat ganti kenderaan, berikutan perbelanjaan untuk barangan tahan lama yang lebih tinggi pada tempoh pelepasan cukai. Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan mampan sejajar dengan aktiviti sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keluaran berkaitan sumber terus berkembang dengan lebih perlahan pada suku ketiga 2018 berikutan pengeluaran sumber asli seperti minyak sawit mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang mampan pada suku ketiga 2018. Walaupun beberapa projek mega terus dikaji semula, aktiviti pembinaan dalam subsektor kejuruteraan awam terus menyokong pertumbuhan, disokong oleh kemajuan yang berterusan dalam projek pengangkutan, petrokimia dan loji kuasa yang sedia ada. Pertumbuhan subsektor harta tanah bukan kediaman bertambah baik sedikit tetapi pertumbuhan dalam subsektor kediaman kekal lemah, dalam keadaan jumlah kediaman tidak terjual yang lebih tinggi.

Inflasi yang lebih rendah pada suku ketiga mencerminkan pelaksanaan GST pada kadar sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 0.5% pada S3 2018 (S2 2018: 1.3%).

Inflasi yang lebih rendah mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan GST pada kadar sifar. Mengikut kategori, impaknya adalah meluas dan jelas terutamanya untuk *perkhidmatan komunikasi* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan*. Peratusan barangan dalam bakul IHP yang mempunyai inflasi melebihi 2% menurun kepada 9% pada suku ketiga (S2 2018: 18%), meskipun setelah pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) yang bermula pada 1 September 2018. Dengan kenaikan harga purata yang kecil untuk barangan yang dikenakan cukai SST pada bulan September, impak SST ke atas inflasi pada suku itu adalah terhad.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, menjadi sederhana sedikit kepada 1.4% (S2 2018: 1.5%). Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan terus dibendung dengan ketiadaan tekanan gaji yang berlebihan, di samping tahap lebihan kapasiti stok modal yang mencukupi.

Keadaan pasaran pekerja positif

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun, kadar pengangguran meningkat lebih tinggi sedikit pada suku ketiga (3.4%; S2 2018: 3.3%), peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh penyertaan guna tenaga yang lebih tinggi (68.5%; S2 2018: 68.4%) yang mengimbangi peningkatan pertumbuhan pekerjaan (2.6 %, S2 2018: 2.4%). Pada suku itu, penambahan pekerjaan bersih yang lebih kukuh dicatat dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Pertumbuhan upah sektor swasta mampan pada 5.7% (S2 2018: 5.7%). Keadaan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan 3.9% (S2 2018: 3.7%), disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit. Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan upah yang lebih perlahan (9.6%; S2 2018: 10.1%) disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih sederhana dalam industri berorientasikan domestik (6.1%; S2 2018: 8.6%). Walau bagaimanapun, upah dalam subsektor berorientasikan eksport meningkat pada kadar yang lebih pantas (10.9%; S2 2018: 10.6%), disokong oleh pertumbuhan segmen E&E yang berterusan.

Kadar pengangguran meningkat sedikit

Rajah 11: Kadar pengangguran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah sektor swasta mencatat pertumbuhan mampan

Rajah 12: Upah sektor swasta



* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Sektor ini meliputi 62% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

E&E kekal sebagai pemacu utama eksport

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang berterusan dalam eksport ke kebanyakan pasaran utama

Rajah 14: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import menjadi sederhana

Pada suku ketiga 2018, eksport kasar berkembang 5.2% (S2 2018: 8.3%), disokong terutamanya oleh eksport perkilangan. Eksport domestik[2] menurun -0.2% (S2 2018: 0.2%) berikutan penguncupan eksport komoditi. Lebihan perdagangan berjumlah RM25.2 bilion pada suku itu (S2 2018: RM27.1 bilion).

Eksport perkilangan meningkat 7.4% (S2 2018: 10.7%), disokong oleh eksport E&E yang lebih tinggi (10.7%; S2 2018: 9.8%) dengan permintaan daripada rakan perdagangan utama terutamanya dari rantau Asia. Yang ketara, pertumbuhan eksport separa konduktor terus kukuh pada 24.2% (S2 2018: 21.0%). Kekukuhan ini mencerminkan kitaran teknologi global yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, eksport bukan E&E meningkat dengan sederhana, terutamanya dalam keluaran petroleum, perkilangan logam dan kelengkapan pengangkutan. Eksport komoditi mencatatkan penguncupan yang lebih kecil iaitu -3.0% (S2 2018: -3.8%), disebabkan olen penurunan yang berterusan bagi eksport kelapa sawit mentah yang sebahagiannya diimbangi oleh pertumbuhan eksport mineral yang lebih kukuh (9.3%, S2 2018: 8.1%), terutamanya eksport petroleum mentah.

Import kasar mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada 6.3% pada suku ketiga (S2 2018: 8.5%), susulan import barangan modal yang perlahan dan import barangan untuk dieksport semula yang lebih rendah. Import barangan penggunaan kembali pulih kepada 5.5% (S2 2018: -2.8%), disebabkan oleh peningkatan mendadak perbelanjaan dalam negeri pada tempoh pelepasan cukai, di samping penguncupan import barangan pengantara yang lebih kecil.

[2] Eksport domestik ditakrifkan sebagai eksport kasar yang tidak termasuk aktiviti eksport semula.

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan secara keseluruhan pada RM3.8 bilion pada suku ketiga 2018 (S2 2018: RM3.9 bilion), atau 1.1 % daripada PNK (S2 2018: 1.2% daripada PNK). Hal ini disebabkan oleh lebihan[3] akaun barangan yang lebih tinggi dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih rendah, dalam keadaan defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan primer.

Lebihan akaun barangan meningkat kepada RM26.6 bilion (S2 2018: RM26.1 bilion) berikutan eksport E&E yang lebih tinggi. Defisit akaun perkhidmatan mengecil kepada RM3.3 bilion (S2 2018: -RM6.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh lebihan yang lebih besar dalam akaun perjalanan (RM8.0 bilion; S2 2018: RM6.6 bilion). Hal ini disebabkan oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi, dan defisit yang lebih rendah dalam perkhidmatan pembinaan (-RM1.3 bilion; S2 2018: -RM3.2 bilion), susulan pembatalan dan penangguhan beberapa projek besar.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM15.0 bilion (S2 2018: -RM11.2 bilion). Hal ini berlaku berikutan keuntungan yang diperoleh pelabur asing di Malaysia terus mengatasi keuntungan yang diperoleh firma Malaysia yang melabur di luar negeri (RM16.3 bilion; S2 2018: RM13.8 bilion), terutamanya dalam sektor perlombongan dan perkilangan. Yang ketara, 26.4% daripada keuntungan yang diperoleh para pelabur asing telah dilaburkan semula(S2 2018: 10.7%). Akaun pendapatan sekunder terus mencatatkan defisit sebanyak RM4.5 bilion (S2 2018: -RM4.7 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Import menjadi sederhana disebabkan pertumbuhan barangan modal dan aktiviti eksport semula yang lebih perlahan

Rajah 15: Import Kasar Mengikut Keluaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan akaun semasa berterusan

Rajah 16: Imbangan akaun semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[3] Perbezaan antara lebihan akaun barangan dengan lebihan akaun perdagangan mungkin disebabkan oleh pengecualian barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) IMF.

Aliran masuk bersih yang sedikit dalam akaun pelaburan langsung

Rajah 17: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk kepada aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk kepada aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin

Rajah 18: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil

Pada suku ketiga 2018, akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM9.2 bilion). Aliran masuk bersih dalam portfolio dan pelaburan langsung sebahagiannya diimbangi oleh aliran keluar bersih dalam pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil berjumlah RM0.06 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih RM0.7 bilion). Pada suku ketiga, pelaburan langsung asing (foreign direct investments, FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar berjumlah RM3.9 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM2.8 bilion). Aliran masuk FDI kebanyakannya disalurkan ke sektor perkilangan dan sektor perlombongan. Sementara itu, pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar yang lebih tinggi berjumlah RM3.9 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.6 bilion). Aliran keluar DIA disalurkan sebahagian besarnya ke dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion, iaitu pemulihan yang ketara daripada aliran keluar bersih sebanyak RM38.3 bilion pada S2 2018. Aliran ini mencerminkan pelupusan bersih pemegangan pelaburan portfolio pemastautin di luar negara (S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM4.3 bilion; S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.0 bilion). Pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil sebanyak RM3.6 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM37.2 bilion) berikutan pelupusan bersih pemegangan sekuriti hutang domestik dalam nilai ringgit oleh bukan pemastautin. Perkara ini berlaku dalam keadaan volatiliti pasaran kewangan yang ketara di seluruh dunia.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.8 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM48.4 bilion). Pengurangan penempatan antara bank di luar negeri oleh sektor perbankan diimbangi oleh aliran keluar daripada sektor swasta bukan bank, terutamanya deposit. Item kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM7.4 bilion atau -1.5% daripada jumlah perdagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD103.0 bilion pada akhir bulan September 2018, berbanding dengan USD104.6 bilion pada akhir bulan Jun 2018.

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM947.9 bilion atau 66.2% daripada KDNK pada akhir bulan September 2018 (akhir bulan Jun: RM936.5 bilion atau 65.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan sebahagian besarnya pelarasan penilaian semula berikutan nilai ringgit yang lebih rendah berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku ketiga 2018 dan peningkatan deposit bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh beberapa pembayaran balik peminjaman antara bank.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya, di samping faktor tersedianya aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam nilai ringgit (30.6%; akhir bulan Jun: 31.2%). Ia merangkumi terutamanya pemegangan sekuriti hutang domestik (63.4% bahagian) dan deposit dalam ringgit (17.7% bahagian) di institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh yang demikian, liabiliti-liabiliti tersebut tidak tertakluk pada perubahan penilaian berikutan turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM657.9 bilion atau 69.4% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam mata wang asing (foreign currency, FC), yang sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman luar pesisir. Pada akhir bulan September 2018, peminjaman luar pesisir menurun kepada RM584.9 bilion atau 40.9% daripada KDNK (akhir bulan Jun: RM586.5 bilion atau 41% daripada KDNK), jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia pada 1997-98. Sektor korporat mencakupi lebih sedikit daripada separuh hutang luar negeri dalam mata wang asing. Daripada jumlah itu, kira-kira tiga perempat dilindung nilai, sama ada secara semula jadi melalui aliran pendapatan dalam mata wang asing atau dilindung nilai secara kewangan dengan bank-bank tempatan.

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam mata wang asing (termasuk kesan penilaian), 38.1% (atau berjumlah RM250.4 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. 76.2% daripada peminjaman luar pesisir adalah peminjaman antara kumpulan. Peminjaman antara bank sebahagian

Hutang luar negeri lebih tinggi pada S3 2018

Rajah 19: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: +RM11.4 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian semula kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai yang berhemat

Rajah 20: Butiran Hutang dalam Denominasi Mata Wang Asing Luar Negeri (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan and faedah kena dibayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia dan Bank Negara Malaysia

besarnya mencerminkan amalan mudah tunai dan pengurusan dana berpusat bank. Paling ketara, hutang luar negeri dalam mata wang asing kekal stabil pada suku ketiga memandangkan pengurangan peminjaman antara bank telah diimbangi oleh peningkatan terbitan hutang di luar negeri dan deposit bukan pemastautin. Bank-bank terus berhati-hati dan proaktif dalam menguruskan risiko pendanaan dan mudah tunai mereka. Risiko mata wang asing, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih dedahan dalam FC berjumlah 5.3% daripada jumlah modal bank. Daripada jumlah ini, kedudukan terbuka bersih USD adalah rendah pada 3.4% daripada jumlah modal bank.

Pada akhir bulan September 2018, nilai bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir adalah sebanyak RM149.3 bilion iaitu mencakupi 22.7% daripada jumlah hutang luar negeri dalam mata wang asing. Ia diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan sebahagian besar disalurkan untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat (RM99.0 bilion atau 15.1% hutang luar negeri dalam mata wang asing) biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau kadar faedah yang rendah. Hampir 70% daripada pinjaman antara syarikat diperoleh syarikat-syarikat yang dikuasai bukan pemastautin (MNC) daripada syarikat induk atau sekutu di luar negeri.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri bertempoh jangka sederhana hingga panjang (54.0% daripada jumlah hutang luar negeri; akhir bulan Jun: 52.0%), yang menunjukkan bahawa risiko pembiayaan semula adalah terhad. Baki 46% hutang luar negeri terdiri daripada hutang luar negeri jangka pendek. Daripada jumlah ini, 36.1% merupakan penempatan antara kumpulan yang stabil dalam kalangan bank, lantas menyebabkannya kurang terdedah kepada pengeluaran secara tiba-tiba. Sekitar 13% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya disokong oleh pendapatan eksport dan dengan itu terbiaya sendiri. Sebanyak 4% merupakan pinjaman antara syarikat, yang biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah (*Untuk pecahan hutang luar negeri yang lebih terperinci, sila rujuk Rencana mengenai 'Profil Hutang Luar Negeri Malaysia'*).

Pada 31 Oktober 2018, rizab antarabangsa berjumlah USD101.7 bilion. Jumlah rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab bukanlah satu-satunya cara untuk bank dan syarikat memenuhi obligasi luaran mereka. Langkah liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menghasilkan desentralisasi rizab yang lebih besar. Khususnya, bank dan syarikat memegang tiga perempat daripada jumlah aset luaran Malaysia (pada akhir S3 2018: RM1.3 trilion). Aset luaran ini boleh dikeluarkan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri bank dan syarikat (RM752.4 bilion), tanpa memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi ini bersama-sama dengan tersedianya mata wang asing dan aset luaran yang besar oleh bank dan syarikat, serta kadar pertukaran yang fleksibel, akan terus menjadi penampan dasar yang penting terhadap kemungkinan kejutan luaran.

1
Rencana

Profil Hutang Luar Negeri Malaysia

Penulis: Ahmad Faisal Rozimi, CFA

SOROTAN PENTING

- Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada 66.2% daripada KDNK pada akhir S3 2018 daripada paras tertinggi iaitu 74.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2016. Sebahagian besar hutang luar negeri dikumpul oleh syarikat dan bank.
- Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing berjumlah 46% daripada KDNK pada akhir S3 2018, berbanding dengan paras tertinggi iaitu 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia 1997. Yang ketara, hutang luar negeri Kerajaan dalam denominasi mata wang asing adalah amat rendah (1.2% daripada KDNK).
- Meskipun risiko yang menyelubungi keadaan pembiayaan luar negeri telah meningkat, risiko kepada hutang luar negeri Malaysia, termasuk hutang luar negeri jangka pendek, kekal terurus. Hal ini disokong oleh profil hutang luar negeri yang menggalakkan dan keupayaan pembayaran balik peminjam yang berterusan.
- Mencerminkan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing Malaysia secara berperingkat-peringkat dan desentralisasi rizab antarabangsa, entiti Malaysia telah mengumpul aset luar negeri dengan jumlah yang ketara.
  - Yang penting, aset luar negeri bukan rizab Malaysia meningkat sekali ganda daripada RM622 bilion pada akhir tahun 2010 kepada RM1.3 trilion pada akhir S3 2018. Syarikat dan bank tempatan kini memegang tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia yang bernilai RM1.7 trilion.
  - Pengumpulan aset ini menyumbang kepada kedudukan aset mata wang asing bersih yang dicatat oleh Malaysia. Kedudukan ini menjadi pelindung sekiranya kadar pertukaran asing menyusut nilai secara mendadak.
  - Paling penting, aset ini boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri peminjam tanpa memerlukan tuntutan ke atas rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia.

Hutang luar negeri menurun selepas mencatat paras tertinggi pada 74.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2016. Lebih separuh daripada hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang, lantas mengehadkan risiko pembiayaan semula

Carta 1: Hutang Luar Negeri mengikut Kematangan (RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan hutang luar negeri ketara lebih perlahan sejak tahun 2016

Carta 2: Hutang Luar Negeri mengikut Institusi (RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kira-kira sepertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam ringgit, yang mengurangkan dedahan kepada turun naik mata wang

Rajah 3: Hutang Luar Negeri Mengikut Mata Wang (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing berjumlah 46% daripada KDNK dengan kira-kira tiga perempat adalah tertakluk pada rangka kerja keperluan kehematan dan kelulusan BNM[1]

Rajah 4: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



[1] Dedahan institusi perbankan (43.3% daripada hutang luar negeri dalam mata wang asing) adalah dalam bentuk peminjaman antara bank, deposit bukan pemastautin dan terbitan hutang adalah tertakluk kepada keperluan kehematan terhadap kecairan dan pengurusan risiko pendanaan sementara syarikat (31.3% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing) adalah tertakluk kepada rangka kerja kelulusan untuk memastikan bahawa pinjaman luar negeri digunakan untuk tujuan produktif dan disokong oleh pendapatan mata wang asing atau cukup dilindungi.

* Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri institusi perbankan dan peminjaman mata wang asing syarikat, masing-masing tertakluk pada rangka kerja kehematan dan kelulusan hutang luar negeri BNM manakala pinjaman antara syarikat biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah

Rajah 5: Hutang Luar Negeri Mengikut Instrumen (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ciri-ciri Utama Hutang Luar Negeri

1. **Peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin (32% bahagian)**
   - ☑ Tertakluk kepada pengurusan kecairan berhemat termasuk had pendanaan dan kematangan tidak sepedan
2. **Pinjaman antara syarikat (14% bahagian)**
   - ☑ Fleksibel dan pada kadar konsesi
3. **Kredit perdagangan (6% bahagian)**
   - ☑ Disokong oleh pendapatan eksport yang berfungsi sebagai mekanisma lindung nilai semula jadi terhadap kejutan kadar pertukaran
4. **Bon dan nota dan pinjaman jangka sederhana hingga panjang (22% bahagian)**
   - ☑ Terutamanya untuk pelaburan di luar negara yang akan meningkatkan pendapatan mata wang asing masa hadapan yang selanjutnya meningkatkan kapasiti pembayaran balik dan lindung nilai terhadap turun naik kadar pertukaran

Kira-kira 70% hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh institusi perbankan, yang mencerminkan kehadiran ketara bank asing dalam ekonomi dalam negeri dan penglibatan aktif bank-bank Malaysia di rantau ini

Rajah 6: Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Institusi (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 7: Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Instrumen (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi perbankan memegang aset luar negeri yang besar, termasuk instrumen mudah tunai yang boleh digunakan untuk memenuhi tuntutan hutang luar negeri mereka

Rajah 8: Aset Luar Negeri Institusi Perbankan (% bahagian)



[2] Terdiri daripada pelaburan ekuiti dan pendapatan terkumpul yang dipegang dalam anak-anak syarikat dan cawangan di luar negara. Ini berpunca daripada kumpulan perbankan domestik yang mempunyai operasi serantau yang kukuh.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedudukan terbuka bersih mata wang asing institusi perbankan kekal kecil berbanding jumlah modal

Rajah 9: Kedudukan Terbuka Bersih Mata Wang Asing Institusi Perbankan[3] (% modal bank)



[3] Merujuk kepada jumlah terkumpul kedudukan bersih mata wang asing untuk semua mata wang oleh institusi perbankan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aset luar negeri bukan rizab Malaysia meningkat sekali ganda daripada RM622 bilion pada akhir tahun 2010 kepada RM1.3 trilion pada akhir S3 2018

Rajah 10: Aset Luar Negeri (RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia bernilai RM1.7 trilion dipegang oleh syarikat dan institusi perbankan domestik

Rajah 11: Bahagian Aset Luar Negeri tidak termasuk Rizab kepada Jumlah Aset Luar Negeri (% bahagian)



[4] Kedudukan aset luar negeri pada akhir S3 2018 untuk Malaysia dan pada akhir S2 2018 untuk negara-negara lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Haver Analytics

Aset luar negeri mata wang asing Malaysia jauh melebihi liabiliti luar negeri mata wang asing, lantas mengurangkan impak penyusutan nilai ringgit iaitu peningkatan aset luar negeri yang lebih tinggi berbanding dengan liabiliti luar negeri apabila ringgit menyusut nilai

Rajah 12: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa mengikut Mata Wang pada akhir S3 2018 (RM bilion)



[5] Termasuk terutamanya pelaburan langsung dan portfolio di luar negeri.
[6] Merangkumi pegangan bukan sekuriti hutang domestik dan penempatan deposit dalam sistem perbankan domestik, serta pemegangan sekuriti ekuiti dalam bentuk pelaburan langsung dan portfolio asing.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Tidak termasuk rizab antarabangsa, Malaysia mempunyai kedudukan liabiliti hutang luar negeri mata wang asing bersih[7] yang kecil. Hal ini menekankan lagi bahawa pembayaran balik obligasi hutang luar negeri tidak akan memerlukan tuntutan ke atas rizab antarabangsa

Jadual 1: Kedudukan Hutang Luar Negari Mata Wang Asing Bersih Malaysia

	Hutang Luar Negeri Mata Wang Asing		
	Asset	**Liabiliti**	**Bersih**
	(RM bilion)		
Deposit	74.4	43.5	30.9
Bon dan nota	91.3	149.3	-58.0
Peminjaman antara bank	62.5	206.9	-144.4
Pinjaman antara syarikat	214.5	99.0	115.5
Kredit perdagangan	77.9	53.8	24.1
Pinjaman	107.1	91.5	15.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	0.0	0.0	0.0
Lain-lain	13.5	13.7	-0.1
Jumlah	**641.4**	**657.9**	**-16.5**
% daripada KDNK	***44.8***	***46.0***	***-1.2***

[7] Perbezaan antara liabiliti instrumen hutang luar negeri mata wang asing (bahagian liabiliti, iaitu peminjaman oleh pemastautin Malaysia daripada bukan pemastautin) dan aset instrumen hutang luar negeri mata wang asing (bahagian aset, iaitu berian pinjaman oleh pemastautin Malaysia kepada bukan pemastautin).

Sumber: Bank Negara Malaysia